

# Udang 'oke', anak kelah rezeki musim tengkujuh

um 27/12/2024 pg 33

Oleh WAN ZURATIKAH IFFAH  
WAN ZULKIFLI dan NOOR  
HAYATI MAMAT  
utusannews@mediamulia.com.my

**BESUT:** Tengkujuh membawa rezeki kepada penduduk di sini apabila ia menjadi musim 'pendaratan' udang 'oke' atau udang putih segar bermula November sehingga Mac setiap tahun.

Lazimnya, spesies udang itu mudah diperolehi di pesisir pantai Besut hingga Setiu sebelum hasil tangkapan dibawa ke daratan untuk dijual segar kepada pelanggan.

Seorang peniaga, Nurul Izwani Mohamad, 35, berkata, dia mampu meraih pendapatan kira-kira RM4,000 sehari hasil menjual udang 'oke'.

"Saya dan suami, Roszaimie Mohamad, 35, mempunyai dua bot sendiri dan lima bot sewa yang ke laut setiap pagi dan pulang ke jeti kira-kira pukul 5.30 petang.

"Purata udang yang didaratkan setiap hari dianggarkan 200 kilogram dan pelbagai saiz," katanya ketika ditemui Jeti Kampung Nail di sini.

Sementara itu, di HULU TERENGGANU, ketibaan musim tengkujuh saban tahun menjadi lubuk 'duit poket' bagi kanak-kanak di Kampung Belukar Bukit, di sini dengan menyauk anak ikan kelah merah di tepi



**KANAK-KANAK** mencari anak ikan kelah merah di tepi Sungai Berang, Kampung Belukar Bukit, Hulu Terengganu. - UTUSAN/NOOR HAYATI MAMAT

sungai.

Seorang kanak-kanak, Muhammad Faqih Irsyad Mohd. Rahim, 9, berkata, aktiviti itu dilakukan dengan hanya menggunakan penapis dan anak-anak ikan yang diperolehi dijual antara 30 sen hingga 40 sen seekor.

"Saya mula cari anak ikan

kelah ini sejak tadika dan memang menantikan musim tengkujuh kerana ikan mudah diperolehi. Tahun lepas dapat lebih kurang 1,000 ekor, boleh RM400.

"Biasanya saya ke sungai bersama dua hingga lima orang kawan. Kalau hari sekolah ak-

tiviti ini dilakukan selepas pulang dari sekolah, kalau cuti lagi lama kami di sungai," katanya.

Bagi Muhammad Zharif Haki-mi, 11, setiap kali keluar mencari anak ikan kelah, dia perolehi antara 20 hingga 150 ekor bergantung kepada rezeki pada hari tersebut.